

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
KAWASAN : TANJONG MALIM
TARIKH : 9.4.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 17

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan agar harga kereta dalam negara ini dapat diturunkan kepada satu tahap yang lebih rendah supaya dapat meringankan beban rakyat negara ini dalam memiliki kereta.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Harga kereta adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Oleh yang demikian, Kerajaan terus berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta untuk melaksanakan penurunan harga kereta secara berperingkat selaras dengan janji yang dibuat dalam manifesto PRU-13. Melalui perbincangan ini, beberapa syarikat telahpun mula menurunkan harga kereta melalui strategi pemasaran masing-masing seperti semasa pengenalan model/varian baharu dan juga penukaran operasi daripada pengimportan CBU kepada pemasangan tempatan (CKD).

Selain penurunan harga kereta oleh syarikat pengeluar kereta, Kerajaan melalui Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 yang diumumkan pada 20 Januari 2014 juga bersetuju untuk mengkaji sistem percukaian ke atas kenderaan sekiranya keadaan kewangan negara bertambah baik untuk turut membantu dalam usaha menepati janji PRU-13 tersebut bagi memastikan rakyat dapat menikmati harga kereta yang lebih rendah.